

HADITH HASAN DAN ISTILAH-ISTILAH GABUNGAN SATU PERBAHASAN

SYED GHAZALI WAFA BIN SYED NORDIN WAFA

PhD student in Hadith and its sciences

DR. SHAABAN ABDELHAMEED REFAE MOHAMAD

Asst. Prof. Dr., Al- Hadith and its Sciences, Faculty of Usuludin
and Sains al-Quran

International Islamic University Sultan Abdul Halim Mu'adzam
Shah (UniSHAMS), Malaysia

elrafaiia@yahoo.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 لِحَمْدِ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ
 تَبِعَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَا بَعْدُ

MUQADDIMAH

Pokok perbincangan saya di dalam risalah ini ialah tentang hadith hasan dan istilah gabungan. Ahli hadith mempunyai pendapat yang berbeza terhadap definisi hadith hasan. Perbezaan ini berlaku disebabkan tiada penetapan makna yang tertentu khususnya pada peringkat permulaan istilah ini muncul dan dipraktikkan. Lagi pun tidak ada kitab yang khusus yang mengumpulkan hadith hasan semata-mata seperti yang didapatkan pada hadith sahih, dhaif dan maudu'.

Imam Termizi (m. 279 H) merupakan tokoh pertama yang menggunakan istilah hasan. Ini bermaksud ulama-ulama sebelum kedatangan beliau tidak mengetahui definisi hadith hasan. Pada masa itu hadith hanya terbahagi kepada dua iaitu samada sahih atau dhaif. Imam Termizi mendefinisikan hadith hasan sebagai : “ Setiap hadith yang diriwayatkan, tidak terdapat pada sanadnya perawi yang dituduh berdusta, tiada syaz (janggal) dan diriwayatkan dari jalan (sanad) lain seperti (bentuknya). Definisi ini dikritik kerana selain merangkumi hadith sahih, ia sebenarnya adalah definisi bagi hadith hasan lighairih.

Imam al-Khattabi (m. 388 H) mendefinisikan sebagai : “ Hadith hasan adalah diketahui sumbernya, rijalnya masyhur, ia berkisar dengan kebanyakan hadith, diterima oleh majoriti hadith dan para ulamak feqah secara umum beramal dengannya.” Definisi ini juga tidak bertepatan lantaran merangkumi hadith sahih. Begitu juga definisi-definisi tersebut di atas adalah tidak mendetail dan terperinci. Wallahua'lam.

Hadith Hasan Dan Istilah-istilah Gabungan.Satu Perbahasan

Sebelum hadith hasan diperkenalkan oleh Imam Termizi, hadith terbahagi kepada dua katagori iaitu hadith sahih dan hadith dha'if. Hadith hasan terbahagi kepada dua iaitu 'hasan lizatih' dan 'hasan lighairih'.

1) Hadith hasan lizatih:

Pengertian:

Hadis Hasan ialah hadis yang bersambung sanadnya dari awal hingga akhir, perawinya juga bersifat adil dan tidak terdapat cacat serta tidak syaz, cuma ia kurang kuat sifat dhabitnya.

Bahasa: Cantik

Istilah: Hadith yang bersambung sanadnya dari permulaan hingga akhir dan perawi hadith ini perlu bersifat adil, dhabit (*kuat ingatan*) dengan kekuatan ingatan yang kurang sedikit daripada perawi hadith sahih lizatih, sejahtera dari 'illat (kecederaan yang memburukkan) dan tidak janggal.¹

Contoh hadith hasan lizatih :

حدثنا قتيبة حدثنا جعفر بن سليمان الصبي عن أبي عمران الجوني عن أبي بكر بن أبي موسى الأشعري قال : سمعت أبي حضرة العدو يقول : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : إن أبواب الجنة تحت ظلال السيوف... الحديث.

Maksudnya : Telah diceritakan kepada kami oleh Qutaibah, sebagaimana yang diceritakan oleh Jaafar bin Sulaiman al-Siba'ie daripada Abu Imran al-Juuni daripada Abu Bakar bin Abu Musa al-Asy'ari, beliau berkata : Aku mendengar Abu Khudrah al-'Aduw berkata, bahawa Rasulullah saw bersabda : “ Sesungguhnya pintu-pintu syurga itu berada di bawah bayang-bayang pedang... al-hadith.”²

Hadith ini merupakan hadith hasan lizatih kerana :

1. Ia memenuhi syarat-syarat hadith hasan lizatih.
2. Keempat-empat perawi hadith ini adalah thiqah kecuali Jaafar bin Sulaiman al-Siba'ie. Tarafnya adalah *siddiq*³. Maka, taraf hadith ini turun kepada hadith hasan lizatih.

2) Hadith hasan lighairih :

¹ Mohammad 'Ajaj al-Khotib (Dr), Usul al-Hadith Ulumuhu wa Mustolahuhu, Beirut: Darul Fikri,2001,m.s 218.

² Hadith riwayat Imam Termizi.

³ *Siddiq* ialah taraf perawi hadith yang lebih rendah daripada taraf *thiqah* . *siddiq* adalah bermaksud benar manakala *thiqah* bermaksud boleh dipercayai dan diyakini.

Pengertian : Hadith yang pada asalnya dhaif, tetapi dinaikkan tarafnya kepada hasan lighairih dengan sokongan

hadith lain yang sama taraf atau lebih tinggi daripadanya dengan syarat kedhaifan itu tidak keterlaluan seperti lemahnya ingatan seorang perawi hadith, namun perawi itu tetap dikenali sebagai seorang yang benar dan amanah. ¹

Contoh hadith hasan lighairih :

عن عبد الرحمن بن اسحاق حدثنا النعمان بن سعد عن علي قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : " خيركم من تعلم القرآن وعلمه ."

Maksudnya : Daripada Abdul Rahman bin Ishak, telah diceritakan kepada kami oleh al-Nu'man bin Sa'ad daripada Ali , bahawa Rasulullah saw bersabda : “ Sebaik-baik kamu adalah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya. “²

Hadith ini menjadi hasan lighairih kerana :

1. Salah seorang daripada perawi hadith ini bertaraf dhaif iaitu Abdul Rahman bin Ishak. Beliau disifatkan sebagai lemah ingatannya oleh ulama' *jarh dan ta'dil*.
2. Kedhaifan hadith ini dinaikkan kepada martabat hasan lighairih kerana terdapatnya hadith lain yang menyokong hadith ini.

Telah berselisih 'ibarat ulamak dalam mentakrifkannya. Kata **Ibnu Hajar** dalam nukhbah al-fikar : “Apa yang dinaqalkan oleh perawi adil kurang dhabitnya, sanad bersambung, tiada 'illat dan tidak janggal .”

Imam al-Suyuti berkata : “ Hadith hasan berkongsi takrif kecuali sempurna dhabit. ” Oleh sebab itu hadith hasan seperti hadith sahih dalam berhujah dengannya, walaupun kurang sedikit daripada hadith sahih dari segi kekuatan. Kerana itulah segolongan ahli hadith memasukkannya di bawah katagori hadith sahih seperti al-Hakim, Ibnu Hibban dan Ibnu Khuzaimah.

¹ Al-Suyuti (Imam), Tadrib al-Rawi, Riyadh : Maktabah Nazar Mustafa al-Baz, 1997, jilid 1, m.s. 228.

² Hadith riwayat al-Darimi.

Yang dimaksudkan kurang dhabit ialah kekurangan yang tidak menjolok sekira-kira tidak sampai kepada hadith daif atau hadith munkar. Begitu juga sebaliknya tidak sampai kepada hadith sahih. Jadi hadith hasan berada di tengah antara kedua-dua situasi ini.

Tingkatan Hadith Hasan.

Hadith hasan juga mempunyai tingkatan dan darjat seperti hadith sahih. **Imam al-Zahabi** berkata: “Tingkatan paling tinggi bagi hadith hasan ialah : Bahz bin Hakim daripada bapanya daripada datuknya, dan ‘Amr bin Syu’aib daripada bapanya daripada datuknya, dan daripada Ibnu Ishak daripada al-Taimi, dan seumpama itu lagi yang dikatakan: “Sahih iaitu paling dekat kepada martabat hadith sahih.”

Kemudian selepas itu apa yang diperselisihkan pada menjadikannya hasan atau menjadikannya daif seperti hadith al-Harith bin Abdullah, ‘Aasim bin Damrah, Hajjaj bin Artah dan seumpamanya. ¹

Tempat (Madzan) Hadith Hasan.

Ulamak tidak mengarang kitab yang khusus untuk hadith hasan sebagaimana mereka lakukan pada hadith sahih. Mereka mengarang untuk hadith sahih yang di sana terdapat sebilangan atau sejumlah hadith hasan. Kita dapati kitab pertama seperti ini ialah **Sunan Termizi**. Beliau menyifatkan banyak hadith sebagai hasan sebagaimana banyaknya hadith sahih. Begitu juga baki kitab sunan yang empat dan Musnad Imam Ahmad menjadi madzan hadith hasan walaupun di dalamnya terdapat hadith sahih, hasan dan sebahagian hadith daif.

¹ Al-Suyuti, Tadrib al-Rawi, m.s. 91.

Gabungan Imam Termizi antara Hasan dan Sahih.

Imam Termizi selalu menyebut hadith sebagai: (*Hasan Sahih*). Sebahagian ulamak rasa *musykil* dengan istilah ini. Mereka berkata: “ Hadith hasan yang kurang daripada hadith sahih, maka jadilah menggabungkan antara keduanya pada satu hukum, menggabungkan antara menafikan kekurangan itu dan menetapkannya. Para ulamak telah menjawab yang demikian itu dengan perbahasan yang berbagai.

1-- Ibnu Solah berkata: ” Sesungguhnya menyifatkan hadith begitu bermakna bahawa hadith itu diriwayatkan dengan dua sanad, salah satu hasan yang lain adalah sahih.”

Ibnu Daqiq al-‘Eid mengikuti pendapat ini dengan katanya:” Ditolak pendapat ini pada hadith-hadith yang dikatakan padanya demikian sedangkan tidak ada baginya melainkan makhraj yg satu.”

2-- Ibnu Solah menjawab pula: ” Imam Termizi mendatangkan hadith atas jalan ihtimal (kemungkinan) dan beliau tidak menekankan dengannya iaitu bahawa yang dikehendaki dengan hasan daripada segi bahasa bukan istilah. Contohnya apa yang berlaku pada Ibnu Abdul al-Barhis yang meriwayatkan hadith dalam kitab al-‘ilm iaitu daripada Muaz bin Jabal secara marfu’

" تعلموا العلم، فان تعلمه لله خشية، وطلبه عبادة " . Dia berkata: “Hadith ini hasan jiddan”. Sedangkan hadith ini tidak mempunyai sanad yang kuat. Jadi dia bermaksud hasan daripada segi lafaz sahaja. Ini kerana hadith daripada riwayat Musa al-Balqawi-Dia ini pendusta dinisbahkan kepada pemalsu hadith-daripada Abdul Rahim-Dia ini matruk.

Ibnu Daqiq al-‘Eid membetulkan kesalahan ini lalu beliau berkata: ”Jawaban ini memestikan bahawa diitlaqkan pada hadith maudu’ jika lafaz hasan bermakna hadith hasan dari segi matannya sahaja bukan sanad. Beliau manambah perkara ini tidak pernah berlaku pada sisi ahli hadith ketika mereka mendefinasikan istilah mereka.”

Ibnu Hajar juga membetulkan kesalahan ini dan berkata:” Ini memestikan bahawa setiap hadith disifatkan dengan sesuatu sifat, maka hasan adalah sifat yang mengikutinya, kerana setiap hadith-hadith Nabi saw

adalah hasan balingah. Ibnu Hajar menambah bahawa pemeriksaan terhadap pekerjaan Imam Termizi pada kalamnya terhadap hadith-hadith menunjukkan beliau berjalan bersama istilah. Ini terbukti dengan kata-kata Imam Termizi sendiri di akhir kitab al-Jami'nya: " Apa yang kami kata "hadith hasan", hanya kami kehendaki dengannya sanad yang hasan." Maka ternafilah bahawa beliau kehendaki dengan lafaz yang hasan.

3--Ibnu Daqiq al-'Eid menjawab dengan jawapan yang ketiga: "Hadith hasan tidak disyaratkan kekurangan daripada kesahihan melainkan sebuah hadith yang tafarud hasannya. Adapun apabila hadith hasan dinaikkan kedarjat sahih maka terhasillah hasan tak dapat tidak mengikuti kesahihan itu. Ini kerana kewujudan darjat yang tinggi iaitu hafaz dan itqan, tidak menafikan wujudnya darjat yang rendah seperti sidiq. Maka dari itu sahlah dikatakan: " Hasan dii'ktibarkan darjat yang rendah, sahih dii'ktibarkan dengan sifat yang tinggi. Oleh itu ini memestikan setiap yang sahih adalah hasan.

Syaikhul-Islam berkata:" Ini menyerupai perkataan mereka pada peraw i ((*saduq*)) sahaja dan ((*saduq dhabit*)). Maka yang pertama itu kurang daripada darjat perawi sahih,yang kedua pula termasuk kategori sahih. Oleh itu sebagaimana menggabungkan antara kedua istilah ini tidak jadi mudharat dan musykil, begitulah juga menggabungkan antara sahih dan hasan.

Pendapat ini memestikan hasan lebih penting dari sahih dan difahami bahawa sahih adalah pembahagian daripadanya bukan pembahagian baginya. Sedangkan yang masyhur pada ahli hadith ialah bahawa setiap satu daripada keduanya adalah pembahagian antara satu sama lain.

Kemudian Imam Termizi tidak mengatakan setiap hadith sahih itu dengan istilah ((*hasan sahih*)) semata-mata, bahkan beliau mengatakan sebahagian lagi dengan istilah ((*sahih* sahaja)). Apakah rahsia perbezaan ini bagi mereka yang beriltizam dengan pendapat ini untuk menerangkannya? Mengapa beliau memadai dengan salah satu istilah pada satu ketika, sedangkan pada waktu yang lain beliau menggabungkannya pula?

4-- **Ibnu Kathir** berkata : “Bahawa dilalukan hukum dengan hadith hasan ke atas hukum dengan hadith sahih, sebagaimana dilalukan hukum dengan hadith sahih ke atas hukum dengan hadith hasan.” Kesimpulan jawaban ini bahawa penggabungan di antara sahih dan hasan ialah satu darjat yang pertengahan antara sahih dan hasan. Beliau menambah : “Apa yang Imam Termizi katakan padanya ((**hasan sahih**)) ialah yang lebih tinggi daripada hasan dan kurang sedikit dari darjat sahih.”

Kata **al-Iraqi** : “Demikian hanyalah persepsi sendiri ,tidak ada dalil atasnya, jauh dari faham perkataan al –Termizi itu. “

5-- Kata Imam al-Syayuti : “ Bagi **Syaikul-Islam** ada jawaban yang kelima iaitu **pertengahan** antara kalam Ibnu Solah dan kalam Ibnu Daqiq al-‘Eid iaitu dikhaskan jawaban Ibnu Solah dengan hadith yang mempunyai dua sanad dan lebih sementara jawaban Ibnu Daqiq al-‘Eid ditujukan kepada sanad fardi,iaitu hadith yang melalui satu sanad sahaja.

6-- Kata imam al-Syayuti : “Dan jawaban yang ke-enam “. Imam al-Syayuti berkata : “Iaitu jawaban yang aku redha dan tidak ada debu padanya, iaitu apa yang **Syaikhul-Islam** lalui atasnya di dalam (al-nukhbah dan syarahnya)- : “bahawa sesuatu hadith itu jika berbilang sanadnya, maka kedudukannya kembali kepadanya dengan l’ktibar kepada sanad-sanad tersebut “. Beliau menambah : “ Berdasarkan kaedah ini hadith yang dikatakan padanya (**hasan sahih**) adalah di atas hadith yang hanya dikatakan (**sahih**)sahaja jika ia hadith **al-fardi**. Ini kerana banyaknya **туруq** itu menguatkan hadith, dan jika tidak- iaitu jika tidak berbilang sanadnya - maka kedudukannya sekira-kira apa yang diperselisihkan oleh **nuqqad** hadith pada menilai perawinya. Maka sebahagian mereka yang berijtihad berkata pada perawi itu (**saduq**) dan sebahagian lagi mengatakan (**thiqah**). Perbezaan pandangan mereka ini tidak dapat ditarjihkan oleh Imam Termizi dan boleh jadi dapat ditarjihkan olehnya, akan tetapi beliau ingin mengisyaratkan kepada perkataan manusia pada hadith itu lalu beliau berkata demikian. Seolah-olah beliau berkata : “ hasan di sisi satu kaum, sahih di sisi kaum yang lain pula. Adapun tujuan yang terdapat pada kitabnya bahawa beliau membuang huruf al-taraddud , kerana beliau

berhak berkata : “ hasan atau sahih “, ini membawa maksud : Apa yang dikatakan padanya demikian adalah kurang darjat hadith daripada hadith yang dikatakan (*sahih*) semata-mata. Ini disebabkan **al-jazm** lebih kuat daripada **al-taraddud**. Imam al-Syayuti berkata : “ Jawaban ini tersusun berdasarkan jawapan **Ibnu Solah** dan **Ibnu Kathir** .”

Kesimpulan perkataan **Syaikhul-Islam** pada dua jawapan yang kelima dan keenam bahawa ibarat Imam Termizi ((*hasan sahih*)) dikehendaki dengannya makna ketika berbilang sanadnya dan dikehendaki dengannya makna lain ketika hadith itu hanya mempunyai satu sanad. Berbilang makna bagi lafaz dari segi bahasa adalah perkara yang terkenal dan boleh diterima, tetapi ibarat pada istilah adakah mungkin menerima makna pelbagai sekira-kira ada baginya sesuatu makna pada suatu hal dan ada pula makna yang lain pada suatu hal yang lain. Sesungguhnya barangkali berselisih kefahaman orang pada makna ibarat ini. Adapun bahawa terdapat bagi ibarat ini makna pelbagai pada hal-hal yang berbeza di sisi seorang tokoh adalah suatu perkara yang tidak dapat diterima bagi sesiapa yang beranggapan begitu. Mereka mestilah mendirikan keterangan dan mengemukakan dalil dan menyebutkan keserupaan dan bandingan (*al-asybah wa al-nadzaair*).

7—**Al-Syeikh Muhammad Abdul Razak Hamzah** berpendapat bahawa hasan lebih umum daripada sahih dan hasan menggabungkan sahih dan terasing (*tafarrud*) daripada sahih. Ini bermakna hasan adalah diterima dan diamalkan, seperti kata Imam Malik pada seumpama itu (*وعليه العمل ببلدنا*), maka hasan kembali kepada sanad dan matan bahkan kepada makna pada matan, adapun sahih maka bagi sanad.

Berkata rahimahullahu ta’ala : Apa yang menjatuhkan mereka kedalam kebingungan ialah kerana menjadikan hasan bahagian sahih, maka datang atas mereka penyifatan Imam Termizi bagi satu hadith bahawa hadith itu hasan sahih, maka masing-masing menjawab dan menyimpulkan apa yang dzahir dan tampak bagi mereka, sedangkan apa yang jelas bahawa hasan pada pandangan Imam Termizi lebih umum daripada sahih lalu beliau

menggabungkan dan mengasingkan istilah ini. Ini bermaksud hasan diterima dan diamalkan seperti kata **Imam Malik** seumpamanya (**وعليه** (**العمل ببلدنا**), oleh itu hadith yang sahih tetapi tidak diamalkan kerana sesuatu sebab , Imam Termizi menamakannya sahih sahaja. Ini seperti meriwayatkan Imam Malik dalam **Muwattaknya** (**وليس عليه العمل**). Ini membawa maksud seolah-olah Imam Termizi bertujuan mengumpulkan dalam kitabnya antara hadith-hadith dan apa yang disokong oleh amalan kurun-kurun yang utama daripada para sahabat dan tabi'in, lalu beliau menamakan hadith-hadith yang disokong oleh amalan sebagai hadith hasan, samada sahih atau kurang sedikit daripada darjat sahih, hadith yang tidak disokong dan dikuatkan oleh amal, Imam Termizi tidak memasukkan sebagai hadith hasan meskipun hadith sahih. Perkara yang timbul ini telah kami ambil faedah dan kesimpulan daripada muzakarah dan majlis-majlis sebahagian daripada guru-guru kami sedangkan ilmu yang sebenar di sisi Allah Ta'ala. ¹

Pendapat ini tidak boleh diterima dengan mudah kerana Imam Termizi tidak pernah menjelaskan begitu, begitu juga ulama lain tidak pernah mengatakan begitu sebelumnya, mereka tidak pernah memahami begitu terhadap perkataan Imam Termizi tersebut. Perkara ini sebagai percubaan dan ujian memerlukan membuat penelitian satu persatu terhadap kesemua hadith Imam Termizi. Oleh yang demikian kami tidak boleh mengiktiraf dan menyetujui pendapat ini melainkan perkataan yang terakhir daripadanya iaitu (**والعلم الحق عندالله تعالى**).

KEDUDUKAN HADITH HASAN :

- Menurut pendapat majoriti ulama dan ahli hadith, mereka bersepakat mengatakan wajib beramal dengan Hadith Hasan. Antara lain juga berhujah dengan Hadith Hasan Lizatih dan Hasan Lighairih sama dengan Hadith Sahih.
- Menurut pendapat majoriti ahli hadith seperti : Ibn Hibban, al-Hakim, Ibn

¹ Al-Hafiz Ibnu Kathir : Al-Ba'ith al-Hathith : Mesir : Cetakan ketiga, Darul al-Turath.

Khazimah, kedudukan Hadith Hasan adalah setaraf dengan Hadith Sahih. Walau bagaimanapun, mereka ini juga tetap meletakkan darjat **HADITH SAHIH** lebih tinggi dan mestilah **DIUTAMAKAN** terlebih dahulu apabila berlaku pertentangan di antara keduanya.

KESIMPULAN DAN PENUTUP :

Setelah menukilkan pandangan ulama dan perbahasan yang diutarakan, dapatlah diketahui bahawa **hadith hasan** merupakan suatu istilah yang muncul terkemudian bagi menyelesaikan permasalahan hadith-hadith yang dhaifnya sedikit dan hadith-hadith yang tidak ditolak namun tidak mencapai martabat hadith sahih. Istilah ini berkembang dari semasa ke semasa dan mendapat perhatian besar dari kalangan *Muhaddithin* sehinggalah ia mampu berdiri sendiri sebagai satu istilah ilmiah yang diterima penggunaannya dalam pengajian hadith kontemporari. Wallahua'lam.

Sekian wallahua'lamu bi al-sowab ilaihi al-marji'u wa al-maaab, wassalamu'alaikum wa rahmatllahi wabarakatuh.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Imam al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muhammad ibn Ismail, Al-Jami’ al-Sahih.

Imam Muslim, Abdul Husain Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi, Jami’ al-Sahih.

Imam Abu Daud, Sulaiman ibn al-Asy’ath ibn Ishak al-Azdi al-Sijistani, Sunan Abu Daud.

Imam Ibnu Majah, Abu Abdullah Muhammad ibn Yazid ibn Abdullah ibn Majah al-Qazwini al-Rab’i, Sunan Ibn Majah.

Mohammad ‘Ajaj al-Khotib (Dr.), al-Sunnah Qabla al-Tadwin, Maktabah al-Wahbah.

al-Haithami, Majma’ al-Zawaaid.

Imam Ahmad, Abu Abdillah Ahmad ibn Hanbal, al-Musnad.

Ahmad Muharram Al-Syaikh Naaji (Dr.), Al-Dhauu’ al-Laami’ al-Mubin ‘an Manaahij al-Muhaddithin.

Imam al-Termizi, Abu Isa Muhammad ibn Isa al-Thaurah ibn Musa al-Silmiy al-Termizi, Jami’ al-Termizi.

Al-Khatib al-Baghdadi, al-Kifayah fi qawanin al-riwayah.

Al-Thabaraani, al-Kabir.

Taufiq Ahmad Salman (Dr.), Univ. al-Azhar , Mesir , Tuhfah al-Thalibin fi manahij al-muhaddithin.

Al-Hafiz Ibnu Kathir : Al-Ba’ith al-Hathith : Mesir : Cetakan ketiga, Darul al-Turath.

Al-Suyuti (Imam), Tadrib al-Rawi, Riyadh : Maktabah Nazar Mustafa al-Baz.

Mohammad ‘Ajaj al-Khotib (Dr), Usul al-Hadith Ulumuhu wa Mustolahuhu, Beirut: Darul Fikri.

Imam Malik bin Anas : Al-Muwatthak.

Al-‘Ajmi Damanhuri Khalifah (Dr.) : Dirasat fi Ulum al-hadith : Bahagian pertama, kuliah usuluddin, Qaherah, Univ. Al-Azhar Mesir.

Sunan al-Darimi.